

24 OCT 1996

KETUA MENTERI MELAKA ULANGI PENDIRIAN RELA DISIASAT

MELAKA, 24 Okt (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani berkata beliau sedia bekerjasama dengan mana-mana agensi yang menjalankan siasatan terhadap sebarang penyelewengan dalam pentadbiran negeri itu.

"Saya sedia memberikan kerjasama jika diri saya dan barisan anggota Exco kerajaan negeri disiasat oleh mana-mana pihak bagi menjamin pentadbiran yang terbuka dan telus," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa diminta mengulas laporan sebuah akhbar mengenai siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap seorang anggota Exco kerana didakwa menerima sogokan RM500,000 untuk kelulusan dua bidang tanah bagi pembangunan.

Menurut laporan itu yang memetik sumber BPR, seorang pemaju dan seorang ahli perniagaan telah diberkas minggu lepas di Kuala Lumpur dan Melaka.

Mohd Zin bagaimanapun berkata beliau hanya mengetahui mengenai siasatan itu menerusi laporan akhbar dan sehingga kini BPR belum memaklumkan kepada beliau mengenai sebarang siasatan.

"Jika ada penyiasatan dibuat...saya ingin mengulangi pendirian terbuka saya dan kerajaan negeri untuk sentiasa bekerjasama dalam membanteras sebarang penyelewengan," katanya.

Beliau berkata sehingga ini belum ada mana-mana badan penyiasat yang menemuinya untuk mendapatkan kerjasama.

Ketua Menteri itu berharap tiada pihak mengambil kesempatan untuk menjadikan laporan siasatan itu sebagai isu sehingga mengganggu siasatan.

Mohd Zin juga ditanya mengenai tindakan yang akan diambil berhubung laporan itu dan beliau berkata ia hanya akan dibuat jika BPR mengemukakan laporan rasmi.

"Saya akan berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad jika ada pengesahan daripada BPR mengenai siasatan itu," kata beliau.

Ditanya sama ada kerajaan negeri bercadang menubuhkan jawatankuasa khas bagi mengatasi penyelewengan kelulusan tanah, Mohd Zin berkata arahan tetap telah dikeluarkan kepada Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah dan Galian supaya menyiasat semua permohonan sebelum dikemukakan kepada Exco.

Beliau berkata penyelewengan biasanya berlaku apabila seseorang pemimpin politik atau kakitangan kerajaan mempunyai agenda peribadi semasa menjalankan tugas.

"Jika agenda tugas mereka demi kepentingan negeri dan rakyat...mereka tidak akan menyeleweng atau melibatkan diri dalam kerja yang boleh ditakrif sebagai penyelewengan," katanya lagi. -- BERNAMA

MOZ NHD PR